

meriwayatkan, (katanya): “Pernah ketika di kelilingi para Sahabat, Rasulullah s.a.w. bersabda kepada mereka: “Berbai’ahlah (berjanjilah dengan sungguh-sungguh hati) denganku bahawa kamu tidak akan menyekutukan Allah dengan sesuatu apa pun,¹⁴⁸ tidak akan mencuri, berzina, membunuh anak-anak kamu¹⁴⁹ dan tidak akan

menyertakan sedikit latar belakang perawi tempat ambilannya dengan mencelah bahawa selain telah ikut serta dalam peperangan Badar beliau juga merupakan salah seorang naqib di malam ‘Aqabah. Tujuan beliau menyebut latar belakang ‘Ubaadah sebagai ahli Badar ialah kerana para sahabat yang termasuk dalam golongan ini mempunyai kedudukan dan darjat yang istimewa dan tersendiri dalam Islam. Secara tidak langsung ia bererti cerita yang dibawa olehnya ini bukan berpunca daripada sembarangan orang dan bukan calang-calang perawinya. Beliau ialah Ahli Badar dan salah seorang naqib di malam ‘Aqabah. Tentulah cerita yang dikemukakannya mengandungi mesej yang cukup besar ma’nanya kepada umat kemudian. Keistimewaan ahli Badar di sisi Allah s.w.t. amatlah besar sehingga Allah s.w.t. telah menawarkan kepada mereka kebebasan penuh untuk melakukan apa sahaja yang mereka inginkan, kerana dosa-dosa mereka sudah dan akan diampunkan olehNya. Tawaran itu disebut Allah di dalam satu Hadits Qudsi, firmanNya: اَعْمَلُوا مَا شِئْتُمْ فَقَدْ غَفَرْتُ لَكُمْ Bermaksud: “Lakukan apa saja yang kamu mahu, sesungguhnya aku telahpun mengampunkan kamu”.

¹⁴⁸ Perhatikanlah, setiap pesanan berupa amaran, baik oleh Nabi s.a.w. atau Allah sendiri di dalam al-Qur’an, pasti pesanan-pesanan itu didahului dengan amaran supaya menjauhi syirik terlebih dahulu. Kemudian barulah disusuli dengan pesanan-pesanan yang lain. Ini jelas menunjukkan bahawa perbuatan menyekutukan Allah s.w.t. itu adalah perkara yang amat buruk implikasinya. Masakan tidak, bukankah apa jua amalan kebajikan, biar sehebat dan sebanyak mana sekalipun, pasti akan tertolak juga dengan adanya syirik di dalam jiwa seseorang pelakunya? Malah andaikata pelaku syirik memohon ampun sekalipun terhadap perbuatan-perbuatan dosanya yang lain, permintaannya itu tidak akan diperkenankan oleh Allah s.w.t. selagi dia tidak kembali mentauhidkan Penciptanya, Tuhan Yang Maha Esa.

¹⁴⁹ Perbuatan membunuh anak yang termasuk dalam dosa-dosa besar itu dilakukan oleh masyarakat Jahiliah dengan cara menanam anak-anak mereka hidup-hidup. Perbuatan sebegini dikeji oleh Allah s.w.t. kerana ia bercanggah dengan konsep Tauhid. Ini kerana motif yang mendorong mereka melakukan perbuatan keji tersebut adalah kerana bimbangkan kos perbelanjaan harian akan meningkat dengan kehadiran anak-anak yang terpaksa ditanggung oleh mereka. Jadi dengan menganggap bahawa jumlah rezeki yang diberikan Tuhan Yang Maha Kaya dan Maha Pemberi Rezeki kepada mereka akan berkurangan kerana terpaksa berkongsi dengan anak-anak adalah termasuk dalam salah satu bentuk syirik. Mengenai perbuatan mereka itu Allah s.w.t. telah berfirman:

قَدْ خَسِرَ الَّذِينَ قَتَلُوا أَوْلَادَهُمْ سَفَهًا بِغَيْرِ عِلْمٍ وَحَرَّمُوا مَا رَزَقَهُمُ اللَّهُ افْتِرَاءً عَلَى اللَّهِ قَدْ ضَلُّوا وَمَا كَانُوا

مُهْتَدِينَ ﴿١٤٠﴾

Bermaksud: “Sesungguhnya rugilah orang-orang yang membunuh anak-anak mereka kerana kebodohan, (dan) tanpa (landasan) ilmu pengetahuan. Mereka menghalang rezeki yang Allah hendak berikan kepada mereka dengan berdusta terhadap Allah. Sesungguhnya sesatlah mereka, dan tiadalah mereka mendapat petunjuk. (al-An‘aam:140).

melakukan sesuatu perkara dusta yang diada-adakan semata-mata¹⁵⁰ serta tidak akan menderhaka (kepada pemimpin)¹⁵¹ dalam sesuatu perkara yang baik.¹⁵² Sesiapa di

Itulah fenomena yang berlaku di zaman Nabi s.a.w. yang telah mendapat teguran daripada Allah s.w.t. melalui ayat-ayat al-Qur'an. Fenomena yang sama turut berlaku di zaman moden ini, malah kekejaman berlaku seawal bayi masih di dalam kandungan lagi. Janin yang tidak berdosa, malah belum sempat ditatap wajahnya itu dibunuh dengan pelbagai alasan yang kesemuanya tetap berlegar di sekitar menafikan taqdir dan kekuasaan Allah s.w.t. Sedangkan dalam pembahagian rezeki kepada setiap makhlukNya, Allah s.w.t. tidak pernah melepaskan tugas itu kepada orang lain termasuk ibu bapa, penjaga dan sebagainya. FirmanNya:

وَلَا تَقْتُلُوا أَوْلَادَكُمْ خَشْيَةَ إِمْلَاقٍ نَحْنُ نَرْزُقُهُمْ وَإِيَّاكُمْ إِنَّ قَتْلَهُمْ كَانَ خِطْئًا كَبِيرًا ﴿٣١﴾

Bermaksud: dan janganlah kamu membunuh anak-anakmu kerana takutkan kepapaan. Kamilah yang memberikan rezeki kepada mereka, malah kepada kamu juga. Sesungguhnya membunuh mereka adalah satu dosa yang besar. (al-Israa':31).

Ibu bapa juga sebenarnya tidak sedar bahawa anak-anak itu sendiri adalah rezeki dan mereka merupakan salah satu punca rezeki kepada kedua ibu bapanya, sebagaimana firman Allah s.w.t. di dalam Surah al-An'aam tadi.

Dalam memilih masa dan bilangan yang sesuai untuk memiliki anak-anak pula, ibu bapa juga tidak pernah mengetahui bahawa benih mereka yang manakah yang akan 'menjadi' bila penentuan dan pemilihan anak-anak bukan berada di tangan mereka. Bakat dan keistimewaan anak-anak tidak pernah berada pada bilangan tertentu dalam dalam hierarki adik-beradik. Kerana kadang-kadang kelebihan dan keistimewaan dimiliki oleh anak-anak yang sulung, namun kedapatan juga anak yang tengah lebih menonjol berbanding adik beradik yang lain. Tidak kurang juga anak bongsu mengatasi abang-abang dan kakak-kakaknya yang lain dalam kepintaran dan karisma. Kadang-kadang keistimewaan dan kelebihan tidak dianugerahkan oleh Allah s.w.t. kepada anak-anak seseorang, sebaliknya Allah s.w.t. menyimpannya terlebih dahulu untuk diberikan kepada cucu-cicitnya, malah mungkin sehingga ke generasi yang ke tujuh daripada keturunannya. Inilah konsep rezeki yang dimaksudkan oleh ayat di atas, kerana dalam menentukan bahawa rezeki mana yang paling berkat, bukanlah urusan makhlukNya. Oleh sebab itulah Nabi s.a.w. sering mengingatkan kita agar sentiasa menghabiskan sisa-sisa makanan yang dihidangkan, kerana menurut kepercayaan Baginda, manusia tidak mengetahui pada bahagian manakah daripada makanannya terletak keberkatan yang Allah hendak berikan kepadanya.

Dengan memahami konsep rezeki dan keberkatannya, anda tidak akan menolak untuk memiliki anak-anak. Kerana seringkali kita temui pasangan-pasangan yang terlalu mengidamkan kehadiran cahaya mata, tetapi masih belum diperkenankan oleh Tuhan Pemberi Rezeki tersebut, walaupun telah mencubanya melalui pelbagai cara. Dengan menyedari bahawa anda adalah di antara orang-orang yang terpilih untuk memiliki anak-anak sebagai rezeki, tentu anda tidak tergamak menolak 'rezeki' yang dianugerahkan oleh Allah s.w.t. untuk orang-orang terpilih sahaja dengan membunuh mereka ketika masih janin lagi. Perbuatan itu adalah perbuatan bodoh dan merugikan. Tepat sekali firman Allah s.w.t. di Surah al-An'aam tadi.

¹⁵⁰ Frasa ini sebenarnya merujuk kepada bai'ah Rasulullah s.a.w. dengan golongan wanita. Ia digunakan secara kinayah (kiasan) untuk da'waan seseorang perempuan terhadap anak

antara kamu dapat memenuhi (bai'ahnya itu), maka pahalanya dijamin oleh Allah.¹⁵³ Sesiapa yang melanggarnya, lalu ia dihukum di dunia ini,¹⁵⁴ maka hukuman itu

sumbangnya atau anak pungutnya sebagai anak suaminya yang sah. Kerana perut yang mengandung itu berada di hadapannya dan faraj yang melahirkan anak itu adalah di antara kedua kakinya. Namun begitu, oleh kerana frasa ini digunakan oleh Rasulullah s.a.w. untuk berbai'ah dengan kaum lelaki, perlulah ia difahami bukan dengan maksud asalnya tadi. Antara maksudnya di sini ialah jangan mengada-ngadakan dusta atau jangan mereka-reka cerita untuk memfitnah orang. Tangan dan kaki adalah kinayah (kiasan) kepada empunya diri kerana sebahagian besar perbuatan manusia dilakukan oleh tangan dan kakinya. Ada juga orang yang dihukum kerana jenayah lisan yang dilakukan olehnya lalu dikatakan kepadanya: "Inilah balasan perbuatan kedua tanganmu." Boleh juga ia bermaksud, janganlah kamu mengaitkan seseorang dengan sesuatu perkara yang tidak baik kerana prasangka semata-mata atau kerana dengki terhadapnya. Sesetengah 'ulama' berpendapat frasa ini bermaksud, jangan kamu menuduh seseorang melakukan keaiban di khalayak ramai, secara terang-terangan.

¹⁵¹ Di dalam riwayat Bukhari yang lain tersebut "ولا تعصوني" Bermaksud: "dan jangan kamu menderhakaiku." Ia amat sesuai dengan ayat sebelumnya. Larangan menderhaka ini boleh juga dipakai dalam ertinya yang umum seperti kepada ibu bapa, guru, pemimpin dan lain-lain. ¹⁵² معروف adalah satu kata nama yang merangkumi setiap perkara yang baik berupa menta'ati Allah, berbuat baik kepada manusia, setiap perkara elok yang dianjurkan syara' dan setiap perkara buruk yang dilarangNya. Nabi s.a.w. ingin mengingatkan mereka dengan sabdanya ini bahawa mereka hendaklah menta'ati sesiapa sahaja dalam perkara ma'ruf. Orang yang menganjurkan atau melakukan perkara ma'ruf tidak harus sama sekali diderhakai. Maka seharusnya seseorang itu mencuba sedaya-upaya menjauhkan dirinya daripada melakukan ma'shiat kepada Allah. Larangan supaya tidak menderhakai dalam perkara yang ma'ruf di dalam Bai'ah ini adalah terhadap perkara-perkara ma'ruf yang dilaksanakan oleh para pemimpin yang berkuasa. Tuntutan agar menta'ati pemimpin dalam perkara yang ma'ruf ini tidak hanya terhenti kepada pemimpin-pemimpin Islam sahaja. Sekiranya umat Islam berada di bawah pemerintahan bukan Islam sekalipun, mereka tidak harus menderhakai para pemimpin tempatan dalam perkara-perkara baik yang dilaksanakannya. Dalam keadaan pemimpin melakukan perkara-perkara yang tidak ma'ruf, mereka wajib menyanggahinya, walaupun pemimpin itu beragama Islam. Jika ditanya mengapa Nabi s.a.w. hanya menyebutkan perkara-perkara yang dilarang, bukan perkara-perkara yang disuruh mereka melakukannya? Jawapannya ialah, Baginda s.a.w. tidak mengabaikannya bahkan Baginda s.a.w. telah menyebutkannya secara ringkas dalam sabdanya, "ولا تعصوا" kerana derhaka adalah kata lawan kepada perintah/suruhan. Hikmah di sebalik menyebutkan banyak larangan dan bukannya suruhan adalah kerana tidak melakukan sesuatu adalah lebih mudah berbanding melakukannya, menjauhi sesuatu perkara yang buruk itu adalah lebih diutamakan berbanding mencari sesuatu perkara yang baik, membersihkan diri daripada perkara yang keji itu adalah lebih diutamakan berbanding berhias dengan perkara yang elok dan supaya mereka meninggalkan segala perkara yang terlarang itu dengan dinyatakan secara khusus tentangnya. Hadits ini juga merupakan sangkalan kepada kaum Murji'ah yang menda'wa bahawa تصديق (meyakini di dalam hati) semata-mata sudah memadai untuk seseorang memasuki syurga dan imannya tidak akan terjejas meskipun dia melakukan ma'shiat apa sekalipun.

¹⁵³ Terjemahan "dijamin oleh Allah" difaham daripada perkataan على (للوجوب) yang memberi erti wajib atau mesti. Oleh kerana mengikut 'aqidah Ahlu as-Sunnah Wa al-Jama'ah, tiada suatu perkara pun yang wajib dan mesti dilakukan oleh Allah s.w.t., itulah sebabnya penulis

merupakan penghapus dosanya.¹⁵⁵ Dan sesiapa yang melanggarnya, lalu Allah menutupinya, maka urusannya (di akhirat kelak) terserah kepada Allah.¹⁵⁶ Mungkin ia

menterjemahkannya dengan “dijamin oleh Allah”. Maksudnya ialah Allah berjanji untuk memberikan pahala kepadanya. Oleh kerana Allah tidak pernah memungkiri janjiNya, sebagaimana ditegaskan di dalam firmanNya ini:

إِنَّ اللَّهَ لَا يُخْلِفُ الْمِيعَادَ ﴿٢٥﴾

Bermaksud: Sesungguhnya Allah tidak memungkiri janjiNya. (Aali ‘Imraan:9), maka dapatlah disimpulkan bahawa Allah memberi jaminan untuk memberi pahala kepadanya.

¹⁵⁴ Sama ada dengan hukuman had atau ta’zir. Para ‘ulama’ berbeda pendapat sama ada hukuman itu merangkumi hukuman yang ditetapkan oleh syara’ dan balasan-balasan lain yang diberi Tuhan seperti ditimpa musibah, mendapat penyakit dan lain-lain lagi atau ia khusus dengan hukuman yang ditetapkan oleh syara’ sahaja? Ada yang mengatakan ia merangkumi kedua-duanya sekali seperti apa yang tersebut di dalam hadits ini: “لا يصيب المسلم ‘تصب ولا هم ولا حزن حتى الشوكة يشاكها الرجل إلا كفر الله بها من خطاياها” Bermaksud: Orang Islam tidak mengalami kepenatan, kesedihan atau dukacita sehingga kalau dia terkena duri sekalipun melainkan dosa-dosanya dikaffarahkan oleh Allah dengan sebabnya.” (Bukhari, Muslim, Ahmad, Malik, Tirmizi dan lain-lain). Tetapi ada pula yang mengatakan tidak dan ia hanya merujuk kepada hukuman yang ditetapkan oleh syara’ berdasarkan hadits Khuzaimah bin Tsabit yang dikemukakan oleh Ahmad dengan sanad yang hasan: “من أصاب ذنباً أقيم عليه حد ذلك ‘الذنب فهو كفارته’” Bermaksud: “Sesiapa yang telah melakukan suatu jenayah dan kemudian ia telah dikenakan hukuman had kerana jenayah yang dilakukannya itu maka ia menjadi penghapus dosanya.” (Ahmad, ad-Daarimi, ad-Daaraquthni, at-Thabaraani, al-Baihaqi, ad-Dhiyaa’, Abu Nu’aim dan lain-lain). Jelas disebutkan di dalam hadits ini bahawa hukuman yang dimaksudkan adalah hukuman had, bukan dalam bentuk musibah dan bencana yang lain. Hafiz Ibnu Hajar berkata: “Boleh jadi maksudnya di sini ialah musibah itu boleh menjadi penghapus dosa kepada perbuatan-perbuatan yang tidak termasuk di bawah kategori jenayah yang boleh dikenakan hukuman had kerananya.”

¹⁵⁵ Dosa perbuatannya itu akan terhapus dan dia tidak lagi akan diseksa kerananya di akhirat kelak. Imam an-Nawawi berkata: “Hadits ini adalah hadits umum makhsus. Maksudnya ialah ayat berikut terkecuali daripada erti umumnya itu. Allah berfirman:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ ۚ وَمَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدْ افْتَرَىٰ إِثْمًا عَظِيمًا ﴿٢٥﴾

Bermaksud: Sesungguhnya Allah tidak akan mengampuni dosa syirik, dan Dia mengampuni segala dosa yang selain dari (syirik) itu, bagi siapa yang dikehendaki-Nya. Barangsiapa yang mempersekutukan Allah, Maka sungguh ia telah berbuat dosa yang besar. (an-Nisaa’: 48). Ini kerana orang murtad kalau dibunuh kerana kemurtadannya, pembunuhannya tidak menjadi penghapus dosanya.” Apa yang dapat difahami daripada zahir hadits ini ialah pelaksanaan hukuman had ke atas seseorang itu dapat menghapuskan dosanya meskipun dia tidak bertaubat. Inilah pendapat jumhur ‘ulama’. Namun ada juga ‘ulama’ yang berpendapat bahawa dia mesti bertaubat. Ini adalah pendapat sebahagian tabi’in, golongan mu’tazilah dan Ibnu Hazam. Dari kalangan ahli tafsir, al-Baghawi dan beberapa orang lagi turut berpendapat sedemikian. Pendapat yang pertama itu adalah pendapat Mujaahid, Zaid bin Aslam, ats-Tsauri dan Imam Ahmad. Ibnu Jarir bersetuju dengan pendapat ini dan dia menganggap terlalu lemah pendapat yang sebaliknya. Hafiz Ibnu Hajar di dalam Fathul Bari berkata: “Al-